

**BENGKEL E-PEMBELAJARAN SEKTOR AWAM (EPSA)
DARI 21- 22 JUN 2012 DI INTAN BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR**

Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM) dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia (BPKRI) telah menganjurkan bengkel E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) selama dua hari mulai 21 hingga 22 Jun 2012 di INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Objektif bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan dan perkongsian ilmu kepada peserta dari BPKRI berkenaan pembangunan dan pelaksanaan sistem EPSA dalam Perkhidmatan Awam Malaysia.

Bengkel ini disertai oleh 10 peserta yang terdiri daripada 8 peserta dari BPKRI dan dua peserta dari JANM. Para peserta diberi taklimat mengenai pembangunan dan pelaksanaan EPSA serta pembangunan kandungan kreatif dan perisian. Para peserta berpeluang untuk melawat ke bilik server dan pengalaman secara terus terhadap sistem e-pembelajaran tersebut.

